

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**MAJLIS PELANCARAN LAPORAN INDIKATOR MATLAMAT  
PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG), MALAYSIA 2019.**

**10 DISEMBER 2020**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Bismillahirrahmanirrahim.

Yang dihormati saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin

Ketua Perangkawan Malaysia

Yang Berbahagia Prof Datuk Dr Mohd Gazali bin Abas,

Professor Ikhtisas, Universiti Kebangsaan Malaysia

Yang Berbahagia Datuk/ Datin / Professor / Dr.;

wakil media; serta Tuan / Puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhana hu Wa Taa'la, kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Laporan Indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Malaysia 2019.
2. Tahniah diucapkan kepada pihak Jabatan Perangkaan atas laporan kedua ini dan buat julung kalinya laporan ini diterbitkan dalam dwi bahasa dan ketersediaan indikator sehingga peringkat daerah pentadbiran.

3. Saya difahamkan sempena dengan majlis pelancaran hari ini, turut diadakan Webinar SDG Nasional dan Antarabangsa yang mana ahli panelnya terdiri daripada pakar-pakar dalam dan luar negara. Mereka akan mengupas isu pokok berkaitan SDG secara mendalam.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Pelaksanaan matlamat dalam SDG merupakan kesinambungan daripada Millennium Development Goals (MDG) yang telah berakhir pada 2015. Legasi dan pencapaian MDG selama 15 tahun telah memberikan suatu pengajaran yang berguna dalam usaha mencapai matlamat yang telah ditetapkan dalam SDG.

4. SDG mempunyai 17 matlamat yang bertunjangkan kepada lima dimensi iaitu kemajuan masyarakat; penjagaan bumi; kemakmuran; keamanan; dan kerjasama.

5. Matlamat ini diukur berdasarkan 247 indikator yang ditetapkan diperingkat global pada tahun 2019. Di Malaysia, daripada jumlah tersebut sebanyak 128 indikator atau 52 peratus telah tersedia manakala 73 indikator atau 29 peratus perlu dibangunkan. Dalam pada itu, sebanyak 13 peratus atau 31 indikator data tidak tersedia dan 15 indikator atau 6 peratus tidak relevan dengan Malaysia.

6. Status ketersediaan ini berdasarkan maklum balas dan input daripada semua kementerian dan agensi yang terlibat dalam pembangunan indikator SDG.

7. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah diberikan tanggungjawab yang penting sebagai Focal Point dalam mengumpul dan membangunkan indikator SDG. Pengukuran ini bukan sahaja melibatkan pencapaian agregat, namun melibatkan keperluan kepada data granular bagi memastikan tiada sesiapa yang akan tersisih dalam fasa

pembangunan ini. Data-data ini juga mestilah bertepatan masa dan diyakini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

8. Secara keseluruhannya prestasi SDG negara pada tahun 2019 bertambah baik berdasarkan 17 matlamat yang ditetapkan namun bagi tahun ini prestasi tersebut mungkin terjejas akibat COVID-19 seperti mana negara-negara lain.

9. Kemajuan SDG di negara ini diukur berdasarkan pencapaian 108 petunjuk statistik. Di antara perkara yang menunjukkan kemajuan pencapaian positif adalah di bawah dimensi kemajuan masyarakat di mana peratusan isi rumah yang hidup di bawah paras kemiskinan nasional telah bertambah baik kepada 5.6 peratus pada tahun 2019 berbanding 7.6 peratus pada tahun 2016.

10. Dimensi kemakmuran menunjukkan KDNK per kapita pada harga malar bertumbuh 3.9 peratus pada 2019 berbanding 3.6 peratus pada tahun 2018.

11. Selari dengan perkembangan ekonomi digital khususnya dalam norma baharu akibat COVID-19. Peratusan individu yang menggunakan internet meningkat 3.0 mata peratusan kepada 84.2 peratus pada tahun 2019 berbanding 81.2 peratus pada tahun sebelumnya. Begitu juga penggunaan internet di bandar dan luar bandar masing-masing turut meningkat 2.6 mata peratusan dan 3.3 mata peratusan.

Para hadirin sekalian

12. Malaysia komited untuk mencapai matlamat-matlamat SDG dan pada tahun 2016, Majlis SDG Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri ditubuhkan. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah ditugaskan untuk membangunkan Hala Tuju SDG fasa pertama bagi menyediakan panduan ke arah kelancaran pelaksanaan SDG.

13. Kesemua elemen yang merangkumi lima dimensi ini telah diserapkan dalam dasar pembangunan negara seperti Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 serta akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

14. Malah pendekatan baharu akan diambil di bawah RMKe-12 untuk menangani kemiskinan dengan program bersasar mengikut keperluan setempat merentas kaum. Ini kerana isu kemiskinan adalah berbeza mengikut demografik dan keadaan semasa. Sebagai contoh kemiskinan di Perlis dan Sabah, justeru, cara untuk menangani perlu bersetujuan dengan keadaan setempat.

15. Pun begitu, pelaksanaan SDG menuntut kepada komitmen semua pihak dalam meneruskan agenda-agenda pembangunan untuk rakyat. Oleh itu peranan yang dimainkan oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia - Mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) amat penting dalam membantu mencapai matlamat Agenda 2030.

16. Kumpulan yang ditubuhkan selepas diluluskan dalam Dewan Rakyat pada 19 Oktober 2019 dianggotai oleh 10 Ahli Parlimen termasuk saya sendiri. APPGM-SDG menyusun Matlamat Pembangunan Mampan di peringkat Parlimen dengan menjalankan aktiviti pemetaan isu-isu

tempatan dan mencadangkan idea-idea penyelesaian terhadap isu-isu tersebut.

17. Kumpulan ini telah selesai turun ke 10 kawasan Parlimen di tujuh buah negeri untuk fasa pertama. Usaha ini akan dilakukan secara berterusan. Pada tahun 2021, APPGM-SDG akan melaksanakan program yang sama di 20 kawasan Parlimen terutama di negeri yang belum dikunjungi oleh kumpulan projek APPGM-SDG pada tahun 2020.

18. Kerajaan mengalakkan semua pihak untuk menjalankan aktiviti seperti kajian dan seminar mengenai SDG kerana ini penting bukan hanya untuk mencapai matlamat tetapi membentuk sebuah negara yang mampan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

19. Sebelum menutup ucapan ini, saya mengucapkan terima kasih kerana menjemput saya untuk merasmikan majis hari ini. Sekali lagi saya ingin mengingatkan seluruh penduduk negara ini supaya menunaikan tanggungjawab untuk dibenci melalui e-census. Banci Penduduk dan Perumahan 2020 secara dalam talian telah dilanjutkan sehingga 21 Disember ini. Jangan tunggu sehingga saat akhir untuk mengisi borang benci. Lakukan sekarang kerana data anda adalah masa depan kita.

19. Dengan lafaz Bismillah hir rahman nir rahim, saya melancarkan Laporan Indikator Matlamat Pembangunan Mampan, Indikator Malaysia 2019 dan seterusnya merasmikan Webinar Pembangunan Lestari dan Harapan Masa Depan dan 2030 Agenda: Bridging the Nations for a Better Global Sustainability.

Sekian, Wabillahi al-taufik walhidayah wassalamu'alaikum  
warahmatullahi wa barakatuh.